

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia



## Mahathir lihat cara2 cari sumber air

**PERDANA MENTERI, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (di tengah) tertarik menyaksikan demonstrasi sumber air dasar bumi oleh sebuah firma tempatan di Taman Bunga, Kuala Lumpur jam 8 pagi semalam.**

Datuk Seri Dr. Mahathir diberi penjelasan mengenai jentera pengorek yang digunakan mencari air dasar bumi oleh ahli geologi firma tersebut, Encik Rabinder Singh (berserban).

Demonstrasi tersebut dibuat atas arahan Datuk Seri Dr.

Mahathir yang mahu menyaksikan sendiri bagaimana air di dasar bumi boleh dikeluarkan untuk kegunaan pertanian.

Sejumlah 20,000 gelen air sejam dikeluarkan melalui jentera pengepam sedalam 720 kaki di perut bumi sejak dua hari lalu.

Jentera tersebut mampu mengeluarkan air sebanyak 20,000 gelen sejam — Gambar Berita Harian oleh Anuar Hashim.